

Kerajaan Persekutuan lulus peruntukan RM100 juta atasi masalah hakisan, banjir

Bina benteng di Sungai Golok

PASIR PUTEH – Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk membina benteng bagi mengatasi hakisan di Sungai Golok yang menjadi sempadan di antara Kelantan dan Thailand.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kelantan, Mat Rahim Ismail berkata, projek itu akan dilaksanakan pada September ini di kawasan yang dikenal pasti mudah mengalami hakisan di sungai tersebut sejauh 35 kilometer sungai tersebut.

“Pelaksanaan projek itu akan dijalankan secara berperingkat bermula dari daerah Jeli hingga

ke Tumpat dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2015,” katanya kepada pemberita selepas meraikan anak-anak yatim di Tok Bali di sini semalam.

Beliau berkata, benteng itu dibina juga dapat menstabilkan pengaliran air sungai berkenaan ke Laut China Selatan, sekali gus dapat mengurangkan ancaman banjir setiap kali musim tengkujuh.

Mengenai projek benteng Sungai Kelantan di Kota Bharu, Mat Rahim berkata, projek tambahan melibatkan jarak 3.6 kilometer bermula dari Kampung Sireh akan siap akhir bulan ini.

Beliau berkata, projek yang menerima peruntukan kerajaan Persekutuan sebanyak RM250 juta itu bermula pada tahun 2009 dengan pembinaan benteng setinggi 6.5 meter bagi menghalang limpahan air sungai ke kawasan penempatan penduduk dan bandar Kota Bharu.

“Berdasarkan musim tengkujuh lepas, paras air sungai berkenaan hanya meningkat setinggi lima meter,” katanya.

Tambahnya, projek itu turut meliputi pembinaan beberapa pintu air yang berfungsi secara automatik untuk mengawal paras air banjir.



KERJA-KERJA membina benteng di Sungai Golok akan bermula pada September ini.